

1. _____ yang melekat pada baju itu masih belum hilang walaupun sudah lama dibilas di dalam air sabun.

- ☐ A Kotoran
- ☐ B Pengotor
- ☐ C Kekotoran
- ☐ D Pengotoran

2. Seminar tentang langkah-langkah _____ najis dadah akan diadakan di sekolah itu.

- ☐ A dicegah
- ☐ B pencegah
- ☐ C mencegah
- ☐ D pencegahan

3. Pembesaran bangunan itu terpaksa ditangguhkan kerana pemajunya _____ modal.

- ☐ A terkurang
- ☐ B kekurangan
- ☐ C dikurangkan
- ☐ D pengurangan

4. Menteri Pendidikan telah mengumumkan _____ kerajaan untuk mewujudkan Sekolah Kluster.

- ☐ A terancang
- ☐ B dirancang
- ☐ C perancang
- ☐ D rancangan

5. Para pelabur dari Amerika Syarikat mempunyai _____ yang tinggi terhadap potensi pelaburan di negara kita.

- ☐ A meyakinkan
- ☐ B keyakinan
- ☐ C meyakini
- ☐ D diyakini

6. Sejak akhir-akhir ini, _____ bekalan air semakin kerap berlaku di kampung kami.

- ☐ A gangguan
- ☐ B terganggu
- ☐ C pengganggu
- ☐ D mengganggu

7. Pegawai penyiasat itu mencuba untuk mendapatkan _____ daripada suspek terbabit.

- ☐ A penerang
- ☐ B menerangi
- ☐ C keterangan
- ☐ D penerangan

8. Sarjan Izni memberikan _____ kepada anak-anak buahnya agar senantiasa berw _____ da ketika menjalankan tugas.

- ☐ A diingati
- ☐ B beringat
- ☐ C pengingat
- ☐ D peringatan

9. Udara dan air merupakan sumber _____ bagi semua makhluk di muka bumi ini.

- ☐ A hidupan
- ☐ B kehidupan
- ☐ C penghidupan
- ☐ D menghidupkan

10. Pelbagai jenis _____ yang lazat disediakan untuk para tetamu sewaktu majlis perkahwinan Farah Adila tempoh hari.

- ☐ A dimakan
- ☐ B makanan
- ☐ C memakan
- ☐ D pemakanan

11. _____ terhadap Marissa atas kes rasuah itu digugurkan kerana pihak berkuasa mempunyai bukti bahawa dia tidak bersalah.

- ☐ A Didakwa
- ☐ B Dakwaan
- ☐ C Pendakwa
- ☐ D Mendakwa

12. Puan Jasmin tidak lagi menggunakan khidmat _____ rumah warga asing.

- ☐ A dibantu
- ☐ B bantuan
- ☐ C pembantu
- ☐ D membantu

13. Pihak _____ syarikat diminta membantu meningkatkan prestasi para pekerja.

- ☐ A urusan
- ☐ B pengurus
- ☐ C berurusan
- ☐ D pengurusan

14. Setiap kali bertemu, kami selalu bercerita tentang _____ pada zaman persekolahan.

- ☐ A kenangan
- ☐ B terkenang
- ☐ C dikenangkan
- ☐ D mengenangkan

15. Sumbangan hadiah itu adalah daripada sumber-sumber _____ dan bukannya dari pihak sekolah.

- ☐ A menyendiri
- ☐ B bersendirian
- ☐ C persendirian
- ☐ D penyendirian

16. Kes _____ kanak-kanak itu selesai selepas pihak polis menahan tiga orang suspek di sebuah rumah.

- ☐ A diculik
- ☐ B penculik
- ☐ C menculik
- ☐ D penculikan

17. _____ nat skru itu sudah tidak dapat digunakan lagi kerana sudah bengkok.

- ☐ A Putaran
- ☐ B Pemutar
- ☐ C Pemutaran
- ☐ D Perputaran

18. Mereka berpuas hati terhadap _____ perjalanan program Mari Membaca itu.

- ☐ A pelancar
- ☐ B kelancaran
- ☐ C pelancaran
- ☐ D melancarkan

19. Majlis _____ antara Yasmin dengan Hashim yang berlangsung di dewan orang ramai itu dihadiri oleh rakan-rakan dan saudara-mara mereka.

- ☐ A dinikahi
- ☐ B menikahi
- ☐ C pernikahan
- ☐ D menikahkan

20. Dakwaan terhadap _____ itu dibatalkan kerana tiada bukti yang kukuh.

- ☐ A menuduhkan
- ☐ B pertuduhan
- ☐ C menuduh
- ☐ D penuduh